



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI
(JAPSU) BIL 4/2015/2016**

TARIKH : 22 DISEMBER 2015 (SELASA)

MASA : 9.00 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 3, SPS, UTM JB DAN
BILIK MESYUARAT SPS KL, MENARA RAZAK, UTM KL**

KEHADIRAN UTM JB	FAKULTI/JABATAN	S/K
1. Prof. Dr. Zaidatun binti Tasir	Sekolah Pengajian Siswazah/ PENGERUSI	4/4
2. Prof. Madya Dr. Muhammad Nadzir bin Marsono	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	4/4
3. Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali	Fakulti Kejuruteraan Awam	2/4
4. Prof. Madya Dr. Intan Zaurah binti Mat Darus	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	4/4
5. Prof. Madya Dr. Abdul Razak bin Rahmat	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	2/4
6. Prof. Madya Dr. Kasturi Devi A/p Kanniah	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	3/4
7. Prof. Madya Dr. Hairul Nizam bin Ismail	Fakulti Alam Bina	4/4
8. Prof. Dr. Mohd Nor bin Mohamad	Fakulti Sains	1/4
9. Prof. Madya Dr. Zainab binti Ramli	Fakulti Sains	2/4
10. Prof. Madya Dr. Ramli bin Awang	Fakulti Tamadun Islam	4/4
11. Prof. Madya Dr. Azlina bt. Mohd Kosnin	Fakulti Pendidikan	1/1
12. Prof. Dr. Othman bin Che Puan	SRAD	2/4
13. Prof. Dr. Safian bin Sharif	Sekolah Pengajian Siswazah	2/4
14. Prof. Madya Dr. Aminah binti Md Yusof	Sekolah Pengajian Siswazah	3/4
15. Dr. Megat Aman Zahiri bin Megat Zakaria	Sekolah Pengajian Siswazah	3/4

KEHADIRAN UTM KL (SIDANG VIDEO)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1. Prof. Madya Dr. Shreeshivadasan A/L Chelliapan	Sekolah Pengajian Siswazah	3/4
2. Prof. Dr. Ezzat Chan bin Abdullah	UTM MJIT	1/4
3. Dr. Ooi Chia Yee	UTM MJIT	3/4
4. Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin Jamaludin	UTM RAZAK	1/4

TIDAK HADIR DENGAN MAAF		FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Ir. Dr. Mohd Wazir bin Mustafa	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	2/4
2.	Prof. Dr. Mohd Rosli bin Hainin	Fakulti Kejuruteraan Awam	0/4
3.	Prof. Dr. Mohd Hasbullah bin Hj. Idris	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	0/4
4.	Prof. Dr. Mohd Ghazali bin Mohd Nawawi	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	0/4
5.	Prof. Madya Dr. Baharin bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	3/4
6.	Prof. Dr. Mohammed Rafiq bin Dato' Abdul Kadir	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	0/4
7.	Prof. Madya Dr. Azli bin Yahya	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	2/4
8.	Prof. Madya Dr. Yusof bin Munajat	Fakulti Sains	1/4
9.	Prof. Madya Dr. Nor'Aini bt Aris	Fakulti Sains	2/4
10.	Prof. Madya Dr. Mohammad Rafee bin Majid	Fakulti Alam Bina	1/4
11.	Prof. Dr. Habibollah bin Haron	Fakulti Komputeran	1/4
12.	Prof. Dr. Khalil bin Md. Nor	Fakulti Pengurusan	0/4
13.	Dr. Khairiah binti Soehod	Fakulti Pengurusan	1/4
14.	Prof. Madya Dr. Muhammad Sukri b. Saud	Fakulti Pendidikan	1/4
15.	Prof. Madya Dr. Norazman bin Abdul Majid	Akademi Bahasa	3/4
16.	Prof. Dr. Azizah binti Abdul Manaf	UTM AIS	2/4
17.	Dr. Rosmah binti Ali	UTM AIS	0/4
18.	Prof. Dr. Ezzat Chan bin Abdullah	UTM MJIIT	0/4
19.	Dr. Ooi Chia Yee	UTM MJIIT	2/4
20.	Prof. Madya Dr. Fauziah binti Sh. Ahmad	UTM IBS	0/4
21.	Prof. Madya Dr. Mohd Shahidan bin Abdullah	UTM AIS	3/4
22.	Prof. Madya Dr. Astuty bt Amrin	UTM Razak	3/4
23.	Prof. Dr. Nor Haniza binti Sarmin	Sekolah Pengajian Siswazah	3/4
24.	Prof. Madya Dr. Shreeshivadasan a/l Chelliapan	Sekolah Pengajian Siswazah KL	0/4
25.	Prof. Madya Dr. Ismail bin Said	Sekolah Pengajian Siswazah	2/4
26.	En. Asram bin Sulaiman @ Saim	Sekolah Pengajian Siswazah	2/4
27.	Puan Hajah Faridah binti Aziz	AMD	2/4

TURUT HADIR		FAKULTI/JABATAN
1.	Prof. Madya Dr. Norihan binti Abu Hassan	UTM Perdana
2.	Dr. Mohamad Shukor bin Talib	Fakulti Komputeran
3.	Dr. Ahmad bin Jusoh	Fakulti Pengurusan
4.	Dr. Norasykin binti Mohd Zaid	Fakulti Pendidikan
5.	Dr. Mohd Fauzi bin Abu @ Hussin	Fakulti Tamadun Islam
6.	Prof. Madya Dr. Mahmud bin Mohd Jusan	FAB
7.	Cik Aizreena binti Azaman	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan

8.	Cik Khairani Ibrahim	Perubatan
9.	Pn. Che Noorlia binti Shaari	Pejabat TNCAA UTM Kuala Lumpur
10.	Pn. Intan Shahnaz binti Zulkifli	SRAD
11.	En. Mohd Fathi bin Sariman	AMD
12.	Cik Norazlina binti Azizi	Urusetia
13.	Cik Nor Aishah binti Mahdi	Urusetia
14.	Cik Nor Diyana binti Zakariya	Urusetia
15.	Pn. Norliza bt. Tasiran	Urusetia/ Pencatat
16.	En. Muhammad Asraf Bin Azizee	Urusetia

1.0 ALUAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Al-Fatihah.

Makluman

- 1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa UTM telah mendapat beberapa pencapaian antaranya:

(a) Kejayaan UTM mendapat penarafan 6 bintang bagi *Research University*.

(b) Pertambahan 2 Hi-COE iaitu AMTECH dan Institute of Noise Vibration.

Makluman

- 1.3 Pengerusi memaklumkan bahawa had umur bagi tujuan menyambung pengajian bagi staf adalah 43 hingga 45 tahun bagi Doktor Falsafah dan 45 – 50 tahun bagi Sarjana.

Makluman

- 1.4 Pengerusi memaklumkan bahawa jawatan Pengurus Akademik Kerja Kursus bagi Pengajian Siswazah dan Prasiswazah akan dijumlahkan. Tiada lagi penyambungan pelantikan bagi jawatan yang sedia ada dan tugas – tugas Pengurus Akademik Kerja Kursus akan diambil alih oleh Ketua Jabatan.

Makluman

- 1.5 Mesyuarat telah menetapkan sasaran GOT bagi PhD selama 5 tahun adalah seperti berikut:

Tahun 2016 – 30%
Tahun 2017 – 35%
Tahun 2018 – 40%
Tahun 2019 – 45%
Tahun 2020 – 50%.

Tindakan : Semua Fakulti

- 1.6 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa universiti telah menetapkan sasaran GOT keseluruhan sebanyak 50% ke Kementerian Pengajian bagi pengajian Sarjana secara penyelidikan. Fakulti diminta mengambil langkah pro aktif dalam memastikan pelajar sarjana bergraduan dalam tempoh GOT iaitu dengan membuat pemantauan, perbincangan bersama penyelia, dan lain-lain proses bagi menggalakkan pelajar bergraduan.

Pengerusi juga meminta ahli mesyuarat menyampaikan kepada semua warga fakulti, penyelia dan staf-staf pentadbiran yang terlibat dengan pelajar agar dapat menjaga kebajikan pelajar. Ini kerana sekiranya terdapat kecuai dalam melaksanakan proses ia akan menjadi satu pengalaman yang kurang menyenangkan kepada pelajar dan mungkin akan mempengaruhinya kenalan pelajar untuk menyambung pengajian di UTM.

Tindakan : Semua Fakulti

- 1.7 Mesyuarat dimaklumkan fakulti seharusnya mempunyai satu prosedur yang jelas dalam pengurusan pelajar termasuk pengurusan Peperiksaan Lisan (VIVA), Pembentangan Proposal dan sebagainya. Oleh itu seharusnya tesis tidak disimpan dan menyebabkan proses kerja mengambil masa yang panjang sehingga memberi kesan negatif kepada pengurusan universiti.

- 1.7.1 Pengerusi memohon fakulti atau PTJ dapat menguruskan kes-kes pelajar dengan secepat mungkin dan memaklumkan kepada pelajar mengenai keputusan yang dibuat dengan jelas.

Tindakan : Semua Fakulti

- 1.7.2 AMD juga diminta memberikan latihan kepada Pentadbir Akademik di fakulti dan staf yang menguruskan pengurusan pasca siswazah yang baharu pada awal tahun 2016. Latihan ini juga sebagai tujuan pemantapan pengurusan Pasca Siswazah di fakulti.

Tindakan : Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)

- 1.8 Pengerusi memaklumkan bermula tahun 2016, 5peratus daripada bajet mengurus semua universiti awam akan bergantung kepada prestasi ke atas KPI yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Jumlah ini akan meningkat berterusan setiap tahun sehingga maksimum 30peratus. Oleh itu pengerusi memohon agar makluman ini disampaikan kepada dekan-dekan di fakulti.

Makluman

- 1.9 Pada tahun 2016 dan 2017 bajet pengurusan adalah amat terhad dan dengan cabaran KPI yang tinggi, ia akan memberi kesan kepada penamatan staf sokongan dan penoperasian kontrak kecuali fakulti yang mempunyai tabung sendiri untuk pembiayaan gaji. Pengerusi memaklumkan anggaran perbelanjaan mengurus telah diperolehi dan sekiranya harga minyak masih turun,

berkemungkinan bajet pengurusan akan dipotong sebanyak 10 peratus. Staf kontrak ini adalah termasuk staf akademik berstatus kontrak.

Makluman

- 1.10 Pengerusi mengingatkan kepada semua staf yang berkaitan pengurusan viva sarjana dan Doktor Falsafah agar dapat berbelanja secara berhemah. Tidak perlu untuk membeli tiket penerbangan Kelas Perniagaan bagi Pemeriksa Luar. Satu pekeliling akan diperolehi daripada dari Pejabat Bendahari berkaitan penjimatan pembelian tiket penerbangan dan akan diedarkan kepada semua ahli JAPSU. Aktiviti pelajar juga perlu diadakan secara berhemah kerana tidak pasti samada akan mendapat peruntukan pada tahun hadapan.

Makluman

- 1.11 Mesyuarat dibentangkan dengan Tentatif tarikh Mesyuarat JAPSU bagi tahun 2016 dan ia telah diselaraskan dengan Mesyuarat Senat. Mesyuarat di mohon untuk memastikan tarikh ini dimaklumkan kepada staf yang menguruskan pasca siswazah supaya perancangan mesyuarat JKA dapat dilaksanakan sebelum JAPSU juga kepada penyelia bagi tujuan penghantaran Notis Menghantar Tesis dan sebagainya.

Tindakan : Semua Fakulti

- 1.12 Pengerusi juga memaklumkan bahawa tiada keputusan Tidak Selesai (TS) pada pembentangan keputusan peperiksaan bagi semester ini bagi pelajar yang telah berada pada tempoh maksimum kerana tarikh akhir menghantar tesis bagi Semester I, Sesi 2015/2016 adalah pada sebelum tarikh Mesyuarat JKTS (Peperiksaan & Pengijazahan) iaitu pada 26 Januari 2016. Bagaimanapun jika terdapat Mesyuarat JKA fakulti yang berlangsung sebelum 26 Januari 2016, keputusan pelajar perlu diletakkan TS dan ia akan ditukarkan pada mesyuarat JKTS (Peperiksaan & Pengijazahan) pada 1-2 Februari 2016.

Tindakan : Semua Fakulti

- 1.13 Pengerusi memaklumkan bahawa fakulti perlu merancang untuk mengadakan program 3MT bagi tahun 2016 pada 1 hingga 28 Februari 2016, manakala bagi peringkat UTM akan diadakan pada minggu ke 2, April 2016 dan seterusnya di peringkat Malaysia pada Mei 2016. UTM Kuala Lumpur dimohon untuk mengadakan program ini secara bersama antara semua fakulti di UTM Kuala Lumpur (Host oleh MJIIT) dan sekiranya ia tidak diadakan pada tahun ini, tiada lagi peruntukan bagi fakulti di UTM Kuala Lumpur bagi menganjurkan program ini. Syarat dan pelaksanaan 3MT adalah masih sama iaitu RM1800 dan tidak berubah seperti berikut:

Cenderahati Juri	: RM 100 X 4 orang juri
Hadiah	: RM 300 (Tempat Pertama)
	: RM 200 (Tempat Kedua)

	: RM 150 (Tempat Ketiga)
Makanan	: RM 500 keseluruhan
Percetakan	: RM 150
Contingency	: RM 100

Tindakan : Semua Fakulti dan UTM KL

- 1.14 Pengerusi membentangkan carta alir bagi proses pembayaran semula pemeriksaan tesis. Peperiksaan lisan (VIVA) yang mendapat C perlu membuat pembayaran semula bagi pemeriksaan semula tesis. Fakulti dan SPS boleh terima tesis tetapi tesis tersebut tidak akan diproses selagi pelajar tidak membuat bayaran. Bayaran sebanyak RM1000 dikenakan kepada pelajar Sarjana dan RM2000 bagi pelajar Doktor Falsafah. Surat pemakluman mengenai peperiksaan semula tesis perlu dimajukan satu salinan kepada Pegawai Kewangan SPS untuk proses seterusnya.

Makluman

- 1.15 Pengerusi meminta semua fakulti melihat status tuntutan untuk GA kerana masih terdapat fakulti masih belum buat pengesahan bagi permohonan tuntutan pelajar dan seterusnya melewati proses pembayaran kepada pelajar.

Tindakan : TD (A) Fakulti

- 1.16 Mesyuarat dibentangkan statistik graduan Doktor Falsafah dan sarjana bagi 2015.

Graduan Doktor Falsafah tahun 2015 : 617 Graduan
GOT: 156 (25.28%)

Graduan Sarjana tahun 2015 : 373
GOT: 11 (2.9%)

Makluman

- 1.17 Pengerusi membentangkan sasaran graduan sarjana bagi tahun 2016 seperti di bawah. Pengerusi memohon supaya fakulti lebih bersifat pro aktif dan memantau pelajar Sarjana Penyelidikan supaya sasaran graduan ini dapat dicapai.

FAKULTI	SASARAN 2015	GRADUAN	PENCAPAIAN	SASARAN GRADUAN CADANGAN SPS		
				VIVA	SEM 6-9	JUMLAH
ABahasa	2	2	100%	0	2	2
FAB	26	19	73.10%	16	4	20
FBME	36	26	72.20%	28	8	36
FC	45	23	51.10%	22	2	24
FGHT	26	26	100.00%	31	9	40
FKA	26	19	73.10%	34	5	39
FKE	77	53	68.80%	22	7	29
FKM	30	22	73.30%	31	12	43
FKT	65	52	80.00%	50	14	64
FM	5	11	220%	15	1	16
FP	11	8	72.70%	6	9	15
FS	80	64	80%	51	12	63
FTI	8	12	150.00%	8	11	19
MJIT	5	18	360.00%	11	17	28
RAZAK SCHOOL	5	11	220%	9	6	15
SPS	5	7	140%	7	8	15
UTM AIS	5	0	0%	1	0	1
UTM Perdana	5	0	0%	1	0	1
Jumlah	467	373	79.9	343	125	468

Tindakan : Fakulti Berkaitan

- 1.18 Pengerusi memaklumkan masih terdapat fakulti yang belum mengemukakan Penilaian *Graduate Attribute* Pasca Siswazah iaitu FKM, AB, FS, FC, FBME, IBS, AIS dan MJIT. Penilaian ini perlu dihantar segera kerana tempoh penghantaran telah lama berlalu iaitu 15 November 2015.

Tindakan : Fakulti Berkaitan

- 1.19 Pengerusi memohon supaya fakulti memberi maklumbalas surat daripada Bahagian Penyelidikan dan Biasiswa SPS mengenai senarai dan perakuan bagi pertukaran Sarjana Penyelidikan kepada PhD *Fast track*. SPS mensasarkan supaya senarai nama yang disahkan ini akan dibawa ke Mesyuarat JKTS (Peperiksaan & Pengijazahan) terdekat.

Tindakan: Semua Fakulti

- 1.20 Pengerusi juga memohon supaya semua fakulti menyemak dan memproses M3 permohonan baharu Pasca Siswazah agar surat tawaran dapat di keluarkan dengan segera.

Tindakan : Semua Fakulti

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL 3/2015/2016

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti Bil 4/2015/2016 tanpa pindaan.

Makluman

3.0 PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh Pihak BPB SPS dan unit kewangan SPS akan berbincang di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan SPS bagi melaksanakan kaedah pembelian tiket menggunakan kad kredit. Buat masa ini masih dalam percubaan menggunakan sistem Bendahari UTM STEPS dan akan melihat pengurangan kos jika ada.

Tindakan : BPB SPS & Kewangan SPS

- 3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa urusetia telah menghantar pemakluman melalui emel beberapa kali ke JAPSU *maillist* bagi mendapatkan maklumbalas bagi memasukkan agenda GOT sebagai agenda utama pelan strategik fakulti tapi belum mendapat maklumbalas. Pengerusi meminta fakulti memberi maklumbalas bagi sasaran GOT dengan segera. Pengerusi juga memaklumkan bahawa tiada lagi penyambungan pembiayaan bagi My Brain15.

Pengerusi memohon supaya fakulti boleh mengadakan pertemuan dengan pelajar secara berterusan dan memberikan tarikh pertemuan kepada urusetia JAPSU untuk makluman.

Tindakan: Semua Fakulti

- 3.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa proses pengurusan peperiksaan lisan PhD akan diserahkan ke fakulti tanpa pertambahan staf. FKA mencadangkan jika pengurusan tuntutan makanan di pusatkan di bawah SPS supaya dapat mengawal jumlah tuntutan tersebut. Bagaimanapun pengerusi memaklumkan, proses sedia ada adalah di bawah SPS, bagaimanapun jika proses Peperiksaan Lisan PhD telah diberikan sepenuhnya ke fakulti, SPS kan memberikan peruntukan tersebut ke bawah fakulti untuk diuruskan.

Makluman

- 3.4 Pengerusi meminta pihak urusetia membuat *template* agar fakulti dapat memberi maklumbalas bagi inisiatif yang dilakukan di fakulti bagi pembentangan cadangan sasaran bilangan GOT Sarjana dan Doktor Falsafah bagi tahun 2016. Semua fakulti akan membentangkan sasaran tersebut pada pada bulan Februari 2016 akan datang.

Tindakan : Urus Setia

- 3.5 Lawatan bagi tujuan menyerahkan Pengurusan Peperiksaan Lisan di peringkat Doktor Falsafah di FC telah selesai. Lawatan ke FKA dan FP masih dalam tindakan.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan dan Biasiswa SPS

- 3.6 Mesyuarat dimaklumkan mengenai proses pembayaran semula yuran pemeriksaan tesis jika tesis perlu disemak semula. Pemakluman juga telah diedarkan melalui email JAPSU.

Makluman

- 3.7 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada semester baru Fakulti Tamadun Islam akan melaksanakan kursus umum universiti iaitu UICW6023 yang dipecahkan seperti berikut:

Seksyen 11: 26 Februari hingga 12 Mac 2016 (Jumaat dan Sabtu).

Seksyen 12: 27 Februari hingga 4 April 2016 (Sabtu sahaja).

Seksyen 13: 3 April hingga 9 April 2016 (Semester pendek).

Seksyen ini ditawarkan untuk pelajar penyelidikan sepenuhnya sahaja.

Makluman

- 3.7.1 Pihak AMD mencadangkan supaya pihak fakulti yang menawarkan kursus ini supaya membuat jadual waktu yang jelas dan terperinci agar pelajar tidak salah mendaftar seksyen. Sekiranya ianya berlaku pihak AMD meminta pihak yang menawarkan kursus dapat membuat pembetulan bagi seksyen tersebut.

Makluman

- 3.7.2 Fakulti Pengurusan telah membincangkan di peringkat fakulti mengenai penawaran kursus secara modular. Bagaimanapun ia tidak dipersetujui memandangkan waktu pengajaran adalah pada hari bekerja (*Weekdays*) dan melibatkan beban tugas pensyarah. Bagaimanapun pengerusi memohon supaya Fakulti Pengurusan boleh menawarkan kursus yang bersesuaian dalam usaha universiti untuk meningkatkan pengambilan pelajar. Fakulti Pengurusan diminta untuk membentangkan di dalam mesyuarat yang akan datang dan pengajaran ini adalah berdasarkan beban tugas pensyarah dan bukannya dengan bayaran tambahan.

Tindakan : Fakulti Pengurusan

- 3.8 Mesyuarat dimaklumkan penggunaan slip pendaftaran bagi tujuan hadir peperiksaan akan mula dikuatkuasa pada Semester II, Sesi 2015/2016. Penggunaan ini bagi memastikan pelajar telah mendaftar kursus dan tidak berhutang.

Makluman : Semua

- 3.9 Mesyuarat dimaklumkan bahawa laporan bagi sistem Iobe masih tidak diterima kerana laporan penuh hanya boleh dimasuki oleh PM. Dr. Istas Fahrurrazi Bin Nusyirwan. Pengerusi meminta fakulti untuk memastikan data PO dan CO telah dimasukkan semuanya bagi program pengajian Kerja Kursus dan Kerja Kursus dan Penyelidikan. Ini adalah untuk memastikan proses seterusnya bagi mendapatkan laporan iCGPA dapat dilaksanakan mulai Semester I, Sesi 2016/2017.

Tindakan : SPS dan Semua Fakulti

4.0 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMENT & PENGAMBILAN MAHASISWA

- 4.1 Bahagian Rekrutment & Pengambilan Mahasiswa (SRAD) memaklumkan telah menghantar emel kepada ahli JAPSU berkaitan data program pesisir. Ahli JAPSU diminta untuk menyemak dan menghasilkan strategi pemasaran bagi program pesisir. Ia bertujuan bagi meningkatkan enrolmen pelajar sebelum iklan ditutup pada 31 Januari 2016. SRAD akan memanggil satu mesyuarat bersama TDA dan penyelaras di fakulti masing-masing bagi tujuan ini.

Tindakan : Semua Fakulti

5.0 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)

- 5.1 Bahagian Pengurusan Akademik (AMD) telah menghantar emel Proses Kerja bagi Semester II Sesi 2015/2016. Fakulti diminta menyemak dan memajukan maklumat ini kepada semua staf dan pelajar.

Makluman

6.0 PERAKUAN PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH

6.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah jurusan Kejuruteraan.

Makluman

6.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah jurusan Sains dan Teknologi.

Makluman

6.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah jurusan Sains Sosial.

Makluman

7.0 PERAKUAN PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA (Makluman)

7.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemerisa tesis pelajar Sarjana jurusan Kejuruteraan.

Makluman

7.1.1 SITI NOOR FITRIAH BINTI AZIZAN (MJ133042)

Mesyuarat menangguh permohonan pelajar kerana pelajar adalah staf dan *curriculum vitea* (CV) salah seorang daripada calon pemeriksa tiada di dalam sistem GSMS. Sehubungan dengan itu mesyuarat meminta fakulti membawa kembali permohonan dengan pertambahan calon pemeriksa luar di mesyuarat akan datang.

Tindakan : BPB SPS dan MJIT

7.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana jurusan Sains dan Teknologi.

Semua

7.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana jurusan Sains Sosial.

Makluman

8.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat meluluskan permohonan pembaharuan Notis Hantar Tesis pelajar dengan mengekalkan panel sedia bagi pelajar seperti berikut:

8.1 HAFIZAH HARUN (PW093041)

8.2 MISPAK BIN MANGON (MP113017)

Makluman

9.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat meluluskan permohonan pembaharuan Notis Hantar Tesis pelajar dengan mengekalkan panel sedia ada bagi pelajar seperti berikut:

9.1 AKILU MUHAMMAD (PA103043)

9.2 HESAM KAMYAB (PA113029)

- 9.3 BABAK FARMANBORDAR (PA113016)
- 9.4 MOHSEN KHALEDIAN (PE113119)
- 9.5 TEI YIN ZHEN (PE103101)
- 9.6 LIM WEE LOON (PC103283)
- 9.7 IZIRWAN BIN IZHAB (PK113109)
- 9.8 MOHAMED HANDAWI SAAD ELMUNAFI (PM113047)
- 9.9 TAN KE XIN (PS113011)
- 9.10 NUR ARINA BASILAH BINTI KAMISAN (PS103138)
- 9.11 MUZAMMIL AHMED (MY123011)

Makluman

10.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PENCALONAN PENILAI LUAR BAHARU

Mesyuarat meluluskan permohonan pembaharuan Notis Hantar Tesis pelajar dengan mengekalkan panel sedia ada bagi pelajar seperti berikut:

- 10.1 AREE WANGSUPPHAPHOL (PE113074)
- 10.2 AULIA (PE093123)
- 10.3 ALIREZA MONEMI (PE113127)
- 10.4 UMI SOLEHA BINTI RADZALI (PL113003)
- 10.5 SHARIFAH HAJAR BINTI SYED AHMAD (ML113007)

Makluman

11.0 PERMOHONAN PENCALONAN PANEL BAHARU

Mesyuarat memperakukan permohonan perlantikan panel pemeriksa baharu bagi pelajar seperti berikut:

- 11.1 AMINAH BINTI MOHSIN (PG103019)
- 11.2 MUZAMMILA AKRAM (PP113246)
- 11.3 GAUTAM LALIT SHAH (PA103187)
- 11.4 BENI WIDARMAN BIN YUS KELANA (PH123076)
- 11.5 ZARITA BINTI ZAKARIA (PQ083010)

Makluman

12.0 PERMOHONAN PENGURANGAN YURAN STAF

- 12.1 Mesyuarat meluluskan permohonan pengurangan yuran staf PhD dan pelajar Sarjana yang mengikuti pengajian secara separuh masa.
- 12.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan daripada staf yang melanjutkan pengajian secara sepenuh masa akan ditolak dan tidak dibawa masuk ke Mesyuarat JAPSU.

Makluman

13.0 HAL-HAL LAIN

13.1 Penyeliaan Graduan

- 13.1.1 Fakulti memaklumkan bahawa terdapat data penyeliaan yang tidak keluar di sistem ELPPT terutamanya kepada pelajar yang telah bergraduan walaupun maklumat lengkap dimasukkan di dalam AIMS. Mesyuarat dimohon untuk menyemak dengan urusetia ELPPT.

Makluman

- 13.1.2 Pengurus Akademik (Penyelidikan dan Biasiswa) mencadangkan satu peraturan baru di bawa ke JKTS bagi membincangkan untuk membenarkan pelajar yang telah tamat pengajian (semester akhir) untuk diberikan maksimum dua semester bagi menyiapkan tesis. Jika pelajar berjaya dan ingin menghantar tesis, pelajar perlu membayar yuran bagi setiap semester sebelum tesis tersebut diproses. Pelajar akan diberikan satu status baki tempoh tersebut.

Tindakan : BPB SPS

14.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari dengan Tasbih Kifarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh:

**PUAN NORALIZA BINTI
TASIRAN**

Setiausaha

Sekolah Pengajian
Siswazah

Semakan Pertama:

**CIK NORAZLINA BINTI
AZIZI**

Penolong Pendaftar
Bahagian Pengurusan
Akademik & Kualiti

Sekolah Pengajian
Siswazah

Disemak Kedua:

**ENCIK ASRAM BIN
SULAIMAN @ SAIM**

Timbalan Pendaftar

Sekolah Pengajian
Siswazah